

11/09/1999

Peguam asing tidak pulau persidangan

Magendran Rajagopal

KUALA LUMPUR, Jumaat - Lebih 950 peguam serta wakil badan kehakiman dari seluruh dunia mengesahkan menyertai Persidangan Undang-Undang Komanwel ke-12 di sini minggu depan, sekali gus menolak ramalan kononnya persidangan itu akan dipulaukan berikutan isu perbicaraan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Pengerusi jawatankuasa penganjur, Datuk Dr Cyrus Das, berkata sebagai tuan rumah, Malaysia boleh berbangga kerana berdasarkan jumlah peserta yang berdaftar setakat ini, persidangan itu boleh dianggap satu sejarah dalam perundangan negara.

Menurutnya, hampir separuh peserta dari negara luar, termasuk sekurang-kurangnya seorang wakil dari setiap negara Komanwel manakala peserta tempatan pula meliputi peguam veteran, hakim dan pegawai perundangan di Jabatan Peguam Negara (JPN).

"Kita yakin penyertaan akan mencecah lebih 1,000 orang apabila persidangan itu bermula Isnin ini," katanya.

Beliau mengakui pada mulanya memang ada sedikit kebimbangan kemungkinan persidangan itu diadakan di tempat lain, tetapi Persatuan Peguam Komanwel memberi jaminan Malaysia tetap kekal sebagai tuan rumah.

"Ada desas-desus mengatakan persidangan ini tidak akan diadakan di sini berikutan beberapa laporan negatif mengenai sistem perundangan Malaysia sejak setahun lalu dan kononnya tidak ramai peserta akan hadir tetapi ramalan itu meleset," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Persidangan empat hari itu yang dianjurkan Majlis Peguam Malaysia (MPM), akan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sementara itu, Presiden MPM, R R Chelvarajah, berkata kempen melobi Malaysia sebagai tuan rumah persidangan itu dimulakan enam tahun lalu di Cyprus dan negara menghadapi saingan Kenya dan Hong Kong.

"MPM berterima kasih kepada kerajaan, terutama badan kehakiman dan JPN atas kesungguhan menjayakan persidangan ini dengan menghantar delegasi serta panel penceramah yang diketuai Peguamcara Negara, Datuk Heliliah Yusof.

"Kami juga menghargai persetujuan Ketua Hakim, Tun Mohd Eusoff Chin, bagi menanggungkan semua kes selama persidangan itu bagi membolehkan peguam menghadirinya," katanya kepada Berita Harian.

Menurut Chelvarajah, Mohd Eusoff juga akan berucap pada perasmian persidangan itu dan mempengerusikan mesyuarat Ketua-Ketua Hakim yang menghadiri persidangan berkenaan.

Persidangan itu yang bertemakan `Undang-Undang dan Masyarakat Di Abad ke-21', akan mengupas beberapa isu penting, khususnya mengenai perkembangan sistem kehakiman dan perundangan tempatan.

Pemenang anugerah Nobel dan aktivis hak asasi masyarakat, Wole Soyinka, turut diundang bagi menyampaikan ucap tama bertajuk `Demokrasi dan Kebebasan Individu' manakala bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Musa Hitam, akan menjelaskan intipati mengenai Deklarasi Harare selaras pelantikannya sebagai Pengerusi Suruhanjaya Hak Asasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Penceramah lain termasuk Master of Rolls England (jawatan kedua tertinggi dalam sistem kehakiman British), Lord Woolf dan Peguam Negara India, Soli Sorabjee.

Beberapa peguam yang terbabit dalam perbicaraan Anwar, termasuk Karpal Singh, Gurbachan Singh, Christopher Fernando and Raja Aziz Addruse, akan menyampaikan ceramah.

Raja Aziz dijangka menyentuh mengenai hak asasi serta peruntukan perundangan dan setakat mana ia dilindungi sistem kehakiman manakala Gurbachan dan Christoper akan menghuraikan perkembangan perundangan jenayah negara.

Keterangan lanjut mengenai persidangan itu boleh menghubungi setiausaha jawatankuasa penganjur, Catherine Eu di talian 03-2911366, faks: 03-2912439 atau e-mel: cateu@bar.po.jaring.my selain laman web MPM di www.jaring.my/bar-mal.

(END)